

# PM: Perwakilan puas hati kepimpinan baru

U.M. - 6 NOV 1993  
KUALA LUMPUR 5 Nov. Datuk Seri Dr. Mahathir berpendapat para perwakilan UMNO berpuas hati dengan barisan kepimpinan baru parti yang terpilih pada pemilihan UMNO tahun ini.

Beliau berkata, perasaan mereka dapat dilihat berdasarkan ucapan-ucapan perwakilan yang tidak kritikal terhadap barisan kepimpinan baru semasa perbincangan berlangsung.

Presiden UMNO itu berkata, pada umumnya perwakilan yang berucap menyokong keputusan pemilihan parti semalam serta setuju dengan tindakan dan dasar kerajaan.

Berakap kepada para pemberita pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini, perbincangan usul ucapan Presiden pada perhimpunan kali ini nampak kurang menarik.

"Perbincangan mungkin kurang menumpu-

kan kepada masalah-masalah lain kerana fokus adalah kepada keputusan pemilihan semalam. (Bagaimanapun) mereka agak prihatin terhadap amalan-amalan tidak sihat yang berlaku dalam parti," kata Dr. Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, beliau menyedari tentang kepekaan para perwakilan terhadap unsur-unsur politik wang dalam UMNO dan akan memberi pendapatnya berhubung isu tersebut.

Katanya, beliau akan menjawab perkara itu semasa menggulung perbincangan esok.

Semasa perbincangan berlangsung sepanjang hari ini, beberapa wakil yang berucap juga telah meminta pucuk pimpinan UMNO memulakan inisiatif memujuk bekas Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba yang dikatakan "merajuk".